

26/08/1998

Tindakan tegas tanpa kira pangkat

ARAU, Selasa - Kerajaan perlu bertindak tegas terhadap mereka yang menjadi dalang merosakkan segala usaha ke arah memulihkan ekonomi negara tanpa mengira kedudukan.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata perkara itu perlu diberi perhatian serius, lebih-lebih lagi ia dikesan berlaku di peringkat tinggi yang boleh menjejaskan imej dan mengancam kestabilan negara.

"Dalang itu daripada pihak tertentu dan mereka mungkin orang perseorangan, institusi kewangan, agensi kerajaan atau pemimpin dalam kerajaan," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perkara itu, baru-baru ini.

Shahidan berkata, tindakan perlu diambil tanpa mengira kedudukan seseorang itu sama ada mereka pemimpin tinggi kerajaan, menteri, menteri besar atau pegawai kerajaan.

"Tindakan tegas tanpa mengira kedudukan penting bagi memastikan segala usaha kerajaan ke arah memulihkan ekonomi negara, mewujudkan kestabilan dan pembangunan tidak terhalang," katanya.

Beliau berkata, kegiatan itu juga wujud di Perlis tetapi ia terkawal dan kerajaan negeri belum mengambil sebarang tindakan ke atas mereka yang disyaki.

Bagi menangani masalah itu di peringkat bawahan, semua pihak sepatutnya tidak membiarkan dalang itu terus menyebarkan fitnah dan menjadi tukang karut.

(END)